

25 MAR 2002

Syed Hamid-Singapura

SINGAPURA LEBIH CENDERUNG UNTUK MEMELIHARA KEPENTINGANNYA

SEPANG, 25 Mac (Bernama) -- Singapura lebih cenderung untuk memelihara kepentingannya dari menghormati hak Malaysia sebagai jiran dalam kegiatan penambakan di perairan Selat Tebrau, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Katanya: " Singapura ada minat untuk melihat hak dari sudut dia dan dalam banyak perkara tidak mengambil kira kesan kepada orang lain."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas tiba dari Poland di Lapangan terbang Antarabangsa KL. Syed Hamid telah mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan selama sembilan hari ke tiga buah negara - Rusia, Jerman dan Poland.

Syed Hamid berkata bagi Malaysia, isu-isu yang melibatkan serta memberi kesan kepada alam sekitar memerlukan kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

" Kajian itu mesti sebut kesan-kesan pada tanah, perairan dan laluan, tetap kita diberi tahu ini mengikut titik-titik wilayah yang telah dipersetujui."

"Apa juga yang dia buat (Singapura) dalam wilayah dia, tidak boleh dipertikaikan mengikut hak kedaulatan Singapura," katanya.

Syed Hamid berkata memanglah perkara itu tidak boleh dipertikaikan, tetapi apa yang Malaysia mahu ialah kesan kerja-kerja penambakan laut itu kepada hak kedaulatan Malaysia.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam yang meminta Singapura berkongsi maklumat mengenai laporan EIA projek penambakan yang dijalankan negara itu.

Syed Hamid berkata Singapura perlu menerima hakikat bahawa kerja penambakan laut memberi kesan kepada Malaysia.

"Kita akan menghasilkan satu kajian untuk membuktikan kepada mereka (Singapura)" katanya.

Syed Hamid juga menegaskan bahawa Malaysia tidak akan berganjak daripada pendiriannya berkaitan isu penambakan itu, dan akan menegakkan haknya mengikut undang-undang antarabangsa.

Menteri Luar itu turut melahirkan rasa kecewanya dengan sikap Singapura yang tidak gemar bila Malaysia menyatakan bantahannya melalui media.

"Dia (Singapura) kata kalau tidak, dia mungkin berminat hendak selesaikan, tetapi suratkhbar kita bising, jadi sekarang dia tidak hendak selesaikan," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

MAD HK RON